

CNS2849

U GB 01-05 00155 BA262

b a h

PINTU BARISAN NASIONAL SUDAH TERTUTUP BAGI PBS

Mahathir - PBS

KOTA KINABALU, 1 Mei (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) telah menutup pintunya bagi Parti Bersatu Sabah (PBS) untuk menyertai semula gabungan itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

+Sudah terlambat,+ kata Perdana Menteri semasa menjawab pertanyaan pemberita mengenai ura-ura PBS mahu menyertai semula BN.

Beliau berkata, BN tidak boleh menimbang permintaan golongan yang tidak memyunyai pendirian, tiada komitmen dan tidak boleh bekerjasama untuk menjadi anggota komponennya.

Menurutnya, setakat ini, PBS masih belum memperlihatkan perubahan daripada segi sikap, pendirian dan tingkah-laku.

+Kalau mereka ingin menyertai BN, mereka mesti mengubah sikap mereka supaya sama dengan BN. Tetapi setakat ini tidak ada perubahan,+ kata Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN selepas merasmikan Persidangan Agung pertama Parti Liberal Demokratik (LDP) di Sekolah Menengah Kian Kok di sini. -- Lagi.

▼01/05/13-04MST

CNS2850

U GB 01-05 00156 BA263

bah

Mahathir - PBS 2 Kota Kinabalu

Pemerhati politik di Sabah kini melihat seolah-olah PBS mahu menyertai semula UN ekoran tindakan pemimpin tertinggi parti itu yang seakan-akan cuba berbaik-baik dengan pemimpin Pusat.

Xata Perdana Menteri, walaupun PBS, secara langsung atau tidak mahu menyertai BN, mereka masih belum memperlihatkan kesanggupan untuk bekerjasama dan tidak memperlihatkan perubahan sikap.

Katanya, semasa PBS menjadi pembangkang pada tahun 1985, parti itu telah memohon untuk menyertai BN dan diterima masuk tetapi menarik diri pada saat akhir kempen pilihan raya 1990.

+Apabila BN menang, sekali lagi mereka mahu minta masuk. Kita tidak boleh timbang orang macam ini, yang tidak tentu pendirian mereka,+ tambahnya.

Ketika ditanya tentang perbezaan antara Umno dan Usno, Dr Mahathir berkata Umno mempunyai kelebihan daripada segi susunan dan pentadbiran parti kerana ia lebih berpengalaman.

Bagaimanapun, katanya, secara umum Umno dan Usno tidak banyak berbeza.

- - Lagi.

▼01/05/13-08MST

CNS2853

U GB 01-05 00153 BA264

bah

Mahathir - PBS 3 Kota Kinabalu

Mengenai harapan BN untuk mendapatkan sokongan masyarakat Cina di Sabah, Dr Mahathir berkata beliau yakin kaum Cina di negeri ini semakin sedar tentang kelemahan pentadbiran PBS yang tidak menguntungkan mereka.

+Dulu mereka belum kenal PUS. Tetapi kini masyarakat Cina dapat membuat perbandingan antara pentadbiran PBS di Sabah dengan kecekapan BN yang membawa kemajuan di negeri-negeri yang diperintah oleh kerajaan BN,+ katanya.

Beliau yakin masyarakat Cina akan menyokong BN pada pilihan raya akan datang melalui parti-parti komponen BN seperti LDP, sebuah parti berbilang kaum yang diterajui oleh masyarakat Cina dan ditubuhkan pada tahun 1989.

Parti itu kini mempunyai lebih 22,000 anggota, terutama di kawasan bandar di seluruh Sabah.

Dalam ucapan perasmianya, Dr Mahathir mengingatkan masyarakat Cina supaya jangan mudah dipengaruhi oleh PUS seperti pemberian \$1 juta untuk sekolah-sekolah persendirian Cina di Sabah. -- Lagi.

▼01/05/13-10MST

CNS2854

U GB 01-05 00140 BA265

bah

Manathir - PBS 4 (Akhir) Kota Kinabalu

+Apalah gunanya \$1 juta jika masyarakat Cina sebenarnya telah kerugian berjuta-juta ringgit kerana kelemahan pentadbiran PBS untuk menyediakan peluang perniagaan,+ katanya. LDP dan MCA, yang

Apabila ditanya kemungkinan wujud masalah antara LDP dan MCA, yang turut mengembangkan sayap ke Sabah, Perdana Menteri berkata: +Ini masalah keluarga. Kita boleh selesai secara berkeluarga... seperti mana MCA dan Gerakan+.

Kepada pertanyaan lain, Dr Mahathir berkata beliau sendiri tidak boleh meramalkan bila pilihan raya negeri Sabah akan diadakan kerana ia terletak dalam bidang kuasa kerajaan negeri.

+Terpulang kepada mereka. Jika mereka berani, bolehlah adakan pilihan raya,+ kata beliau.

Selepas majlis itu, Dr Mahathir bertolak ke Masjid Jamek di Papar, kira-kira 45 km dari bandar ini untuk menunaikan fardu Jumaat dan makan tengah hari bersama jemaah. -- Bernama.

▼01/05/13-12MST